

30 APR 2002

Mahathir-Perutusan

UJIAN KEKUATAN TIDAK HARUS JADI IKUTAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kefahaman golongan pekerja dan kesatuan sekerja mengenai selok-belok ekonomi dan baik-buruk tindakan mereka akan menentukan ekonomi negara tidak diganggu oleh ujian kekuatan yang menjadi cara negara Barat menyelesaikan masalah.

Perdana Menteri berkata kesanggupan menyelesaikan masalah upah dan sebagainya secara rundingan dan kesanggupan bertolak ansur membolehkan Malaysia terus mampu bersaing dengan negara lain.

"Sikap inilah yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup pekerja dan rakyat Malaysia yang lain," katanya dalam perutusan sempena sambutan Hari Pekerja, esok.

Dr Mahathir berkata cara yang diamalkan di Malaysia itu adalah jauh lebih baik daripada semua segi dan ia harus dikekalkan.

Beliau berkata ada negara yang maju akhirnya menjadi kurang maju apabila kesatuan sekerja mereka asyik mogok kerana berselisih faham dengan majikan.

Dr Mahathir berkata Hari Pekerja tahun ini disambut dalam suasana ekonomi negara yang semakin pulih dengan pengangguran di Malaysia tidaklah menjadi masalah besar berbanding negara lain termasuk negara maju.

Beliau berkata sememangnya kerajaan lebih suka semua pekerjaan dibuat dan diisi oleh pekerja tempatan kerana ini boleh mengurangkan aliran tukaran asing ke negara lain.

"Mereka yang sanggup bekerja memang boleh mendapat kerja. Jika tidak ada kekosongan, tentulah tidak ramai pekerja asing berada di sini," katanya.

Walaupun ada sebilangan kecil tenaga kerja yang menganggur, Dr Mahathir berkata secara amnya rakyat Malaysia hidup dalam keadaan selesa kerana kerajaan dapat mengawal ekonomi negara supaya kos sara hidup tidak meningkat tinggi.

Menurutnya, ini mungkin dianggap sebagai perkara biasa tetapi apa yang perlu diingatkan ialah di kebanyakan negara membangun, inflasi meningkat sehingga mencapai tahap 100 peratus setiap tahun.

"Ada negara yang inflasinya begitu tinggi sehingga kepercayaan kepada nilai mata wang hilang sama sekali atau puluhan ribu unit mata wang dibelanja setiap hari hanya untuk menyara hidup," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak ingin melihat kenaikan upah pekerja dihakis oleh inflasi dan ia sememangnya ingin melihat taraf hidup pekerja meningkat.

Menurutnya, berbanding masa dahulu, semua upah dan gaji semua pekerja kini sudahpun bertambah dan secara amnya ini disebabkan daya pengeluaran pekerja yang semakin meningkat.

Usaha meningkatkan daya pengeluaran, kata Perdana Menteri, perlu diteruskan dan ia menjadi lebih penting kerana nilai mata wang Malaysia kukuh sedangkan nilai mata wang pesaingnya susut.

Dr Mahathir berkata penyusutan nilai mata wang pesaing boleh dilawan dengan menurunkan nilai ringgit tetapi langkah seumpama itu akan menyebabkan kos sara hidup naik kerana semua barangan import akan naik harga.

Beliau berkata menaikkan upah setelah menurunkan nilai mata wang tidak membawa makna kerana pekerja tidak mungkin menampung kos sara hidup sedangkan kos barangan yang dihasilkan mereka meningkat dan pada masa yang

sama tidak dapat bersaing di pasaran dunia.

"Pendekatan terbaik ialah mengekalkan nilai ringgit dan berusaha meningkatkan lagi daya pengeluaran kita," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAM NMO